Berdasarkan masalah-masalah tersebut, pembangunan penyelidikan untuk pengecaman dan pengklasifikasian imej perubatan adalah sangat diperlukan bagi meringankan beban kerja ahli patologi dan sekaligus berupaya mengurangkan kesalahan dalam keputusan penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh itu, penyelidikan ini akan membangunkan satu sistem yang berupaya memberikan kejituan pengecaman dan pengklasifikasian yang tinggi dalam pengesanan sperma tikus Sprague Dawley normal dan abnormal.

### **1.3 Objektif Penyelidikan**

Berdasarkan masalah seperti yang diterangkan pada Bahagian 1.1 dan 1.2, objektif penyelidikan ini dibahagikan kepada empat iaitu:

1. Membina satu sistem pintar dalam proses mengklasifikasi imej sperma daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley kepada kelas normal dan abnormal berdasarkan teknik-teknik pemprosesan imej.
2. Mencadangkan teknik pemprosesan imej yang baru yang berpotensi dan menghasilkan prestasi yang lebih baik bertujuan menghasilkan keputusan pengklasifikasian yang lebih tinggi dalam (1).
3. Meningkatkan prestasi proses pengklasifikasian dalam (1) dengan mencadangkan penggunaan rangkaian neural buatan, serta mengklasifikasikan sperma tikus Sprague Dawley dengan lebih terperinci

iaitu kelas normal, abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang.

4. Mencadang dan mengestrak ciri-ciri imej sperma tikus Sprague Dawley yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai masukan ke dalam rangkaian neural buatan.

Berdasarkan objektif penyelidikan yang pertama, keluaran sistem merangkumi keputusan imej padanan bagi sperma tikus Sprague Dawley berserta garisan penanda, keputusan peratusan padanan dan pengklasifikasian imej tersebut kepada kelas-kelas normal dan abnormal.

Berdasarkan objektif penyelidikan yang kedua, penyelidikan ini akan mencadangkan algoritma baru bagi kaedah peruasan untuk meruas imej sperma tikus Sprague Dawley. Selain itu, penyelidikan ini juga akan mencadangkan cara implementasi yang baru bagi kaedah-kaedah yang telah sedia ada dengan tujuan memudahkan implementasi dan meningkatkan prestasi sistem yang akan dibangunkan. Kaedah-kaedah yang diperkenalkan ini akan diintegrasikan untuk membina satu sistem pengklasifikasian sperma tikus Sprague Dawley berasaskan pemprosesan imej.

Bagi objektif penyelidikan yang ketiga, penyelidikan ini mencadangkan penggunaan rangkaian neural buatan untuk meningkatkan peratus kejituan pengklasifikasian yang diperolehi menggunakan teknik pemprosesan imej. Selain itu, rangkaian neural buatan yang dibangunkan juga akan diaplikasikan ke atas dua proses pengklasifikasian sperma tikus Sprague Dawley. Proses pertama mengklasifikasikan sperma tersebut kepada dua kelas iaitu kelas normal dan abnormal manakala proses kedua mengklasifikasikan sperma dengan lebih terperinci



kepada tiga kelas iaitu kelas normal, abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang.

Objektif penyelidikan yang keempat mencadangkan tiga ciri imej sperma tikus Sprague Dawley yang difokuskan pada bahagian kepala sperma untuk dijadikan sebagai masukan kepada rangkaian neural buatan. Ketiga-tiga ciri baru yang dicadangkan ialah ciri peratus padanan templat, darjah bukaan dan lebar lengkungan.

#### **1.4 Skop Penyelidikan**

Bidang pemrosesan imej merupakan salah satu bidang yang luas dan sering diaplikasikan dalam membantu kehidupan manusia. Sehingga kini, telah banyak penyelidikan dibangunkan bagi meningkatkan prestasi kaedah yang diaplikasikan di dalam bidang ini supaya menghasilkan keputusan yang boleh dipercayai dan digunakan dalam aplikasi seharian. Skop penyelidikan ini tertumpu kepada aplikasi pemrosesan imej dan rangkaian neural buatan ke atas imej perubatan iaitu imej sperma daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley yang bertujuan mengecam dan mengklasifikasikan imej sperma tersebut.

Bagi pengklasifikasian sperma tikus Sprague Dawley kepada dua kelas iaitu normal dan abnormal, penyelidikan ini mencadangkan satu sistem pengklasifikasian berasaskan pemrosesan imej. Penyelidikan ini memilih teknik peruasan, pemenuhan lubang, dan kaedah berantai untuk dijadikan sebagai teknik pra pemrosesan sebelum imej kajian melalui proses pengklasifikasian menggunakan teknik padanan templat berasaskan algoritma korelasi silang.

Skop penyelidikan ini juga memperincikan lagi pengklasifikasian sperma tikus Sprague Dawley kepada tiga kelas iaitu kelas normal, abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang. Bagi tujuan ini, kaedah padanan templat tidak sesuai

digunakan. Ini kerana bagi sperma abnormal, bentuk dan saiz sperma abnormal tanpa cangkuk dan berbentuk pisang tidak tetap dan berubah antara satu sama lain. Ini berbeza dengan sperma normal kerana pada asasnya, bentuk semua sperma normal adalah hampir menyerupai satu sama lain. Ini membolehkan proses penentuan imej templat ideal untuk sperma normal boleh dilakukan. Sebaliknya, proses penentuan ini adalah tidak sesuai untuk mencari imej templat ideal untuk sperma abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang memandangkan masalah perbezaan yang ketara antara sperma abnormal seperti yang telah diterangkan. Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan rangkaian neural buatan sebagai pengkelas pintar bagi proses pengklasifikasian. Sebagai masukan kepada rangkaian neural buatan, penyelidikan ini mencadangkan penggunaan tiga ciri imej sperma tikus Sprague Dawley iaitu peratus padanan templat, darjah bukaan dan lebar lengkungan.

Bagi setiap sistem yang dibina, penyelidikan ini hanya menfokuskan pengklasifikasian berdasarkan morfologi kepala sperma yang diambil daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley. Berdasarkan aplikasi teknik pemrosesan imej dan rangkaian neural ke dalam penyelidikan ini, sistem yang dibangunkan diharapkan berupaya membantu ahli patologi dalam mendiagnosis dan mengklasifikasi imej sperma daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley dengan lebih tepat dan mudah.

## **1.5 Garis Panduan Tesis**

Secara umum, tesis ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 akan menerangkan pengenalan dan pelbagai masalah berkenaan penyelidikan yang dibangunkan. Selain itu, Bab 1 juga mengandungi objektif dan skop penyelidikan.

Akhir sekali, Bab 1 menerangkan berkenaan garis panduan tesis untuk penerangan secara umum isi-isi yang dibincangkan pada setiap bab bagi penyelidikan ini.

Di dalam Bab 2, tesis ini akan menfokuskan kepada kajian ilmiah yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dibangunkan. Bab 2 dimulakan dengan pengenalan imej sperma daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley dan jenis-jenis keabnormalan sperma tersebut. Bab 2 juga menerangkan limitasi pengklasifikasian secara manual terhadap imej sperma tikus Sprague Dawley secara umum. Bab 2 diteruskan dengan penerangan keupayaan teknik pemprosesan imej untuk proses pengklasifikasian imej yang telah dibangunkan oleh penyelidikan-penyelidikan terdahulu. Di samping itu, Bab 2 juga menerangkan keupayaan dan senibina asas rangkaian neural buatan dalam proses pengklasifikasian imej. Pada bahagian akhir, Bab 2 menerangkan keupayaan aplikasi teknik pemprosesan imej dan rangkaian neural buatan oleh penyelidikan-penyelidikan terdahulu dalam proses pengklasifikasian imej terutama pengesanan sperma.

Bab 3 akan menerangkan algoritma dan kaedah pemprosesan imej yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini untuk proses pengklasifikasian imej sperma tikus Sprague Dawley. Algoritma dan kaedah yang dipilih adalah berdasarkan potensinya dalam membantu meningkatkan kejituan dalam pengklasifikasian imej sperma tersebut serta mempunyai implementasi yang mudah untuk dibangunkan di dalam sistem. Bab 3 akan menerangkan algoritma, kaedah, syarat dan cara implementasi bagi setiap teknik pemprosesan imej yang terlibat. Bab 3 juga akan membentangkan keputusan yang diperolehi bagi setiap kaedah yang dibangunkan. Bagi proses pengklasifikasian, Bab 3 akan memaparkan peratus kejituan pengklasifikasian imej sperma tikus Sprague Dawley kepada kelas normal dan abnormal. Berdasarkan peratus kejituan pengklasifikasian tersebut, Bab 3 akan

memilih dan memaparkan nilai peratus padanan ambang yang diperolehi berdasarkan kajian ke atas sampel imej tersebut. Secara praktikal, peratus padanan ambang ini akan digunakan untuk proses pengklasifikasian imej sperma tikus kepada kelas normal atau abnormal. Akhir sekali, Bab 3 akan menyimpulkan keupayaan setiap algoritma dan kaedah pemprosesan imej yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini.

Bab 4 pula akan menerangkan kaedah dan algoritma pembelajaran rangkaian neural buatan untuk proses pengklasifikasian imej sperma tikus Sprague Dawley. Kaedah dan algoritma pembelajaran yang berpotensi memberikan kejituan pengklasifikasian yang tinggi akan dipilih untuk diaplikasikan ke dalam penyelidikan ini. Rangkaian neural akan digunakan untuk mengklasifikasikan sperma tikus Sprague Dawley kepada tiga kelas iaitu normal, abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang. Bab 4 juga menerangkan pengestrakan ciri-ciri imej sperma tikus Sprague Dawley sebagai data masukan rangkaian neural. Keputusan dan perbincangan pengestrakan ciri dan peratus kejituan pengklasifikasian sperma tikus Sprague Dawley akan dibentangkan di akhir Bab 4.

Bab 5 merupakan bab terakhir bagi tesis ini. Bab 5 mengandungi kesimpulan keseluruhan bagi teknik-teknik pemprosesan imej dan rangkaian neural buatan yang dibangunkan. Bab 5 juga menerangkan bagaimana sistem yang dibina berupaya mengklasifikasikan imej sperma tikus Sprague Dawley kepada kelas-kelasnya. Cadangan untuk memajukan lagi sistem ini pada masa hadapan juga dinyatakan pada akhir bab ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN ILMIAH**

#### **2.1 Pengenalan**

Semenjak beberapa dekad yang lepas, saintis telah mengkaji beberapa masalah penyakit daripada kalangan kaum lelaki berpunca daripada bilangan sel sperma yang rendah. Bilangan sel sperma normal yang rendah adalah penyebab utama masalah kemandulan bagi kaum lelaki. Bilangan sel sperma normal seperti yang ditakrifkan oleh World Health Organization (WHO) merujuk kepada kepekatan sperma sebanyak 20 juta per mililiter (ml) dengan isipadu minimum air mani sebanyak 2 mililiter (Borrero, 2002). Oleh itu, keseluruhan bilangan normal bagi sperma ialah 40 juta di mana 75% daripadanya adalah bernyawa; 30% berada dalam keadaan sperma normal, 25% berada dalam keadaan pergerakan yang aktif dan 50% berada dalam keadaan aktif dan bergerak secara ke hadapan. Proses pengiraan dan pengklasifikasian sperma bagi suatu spesimen dilakukan secara manual dengan menggunakan alat yang dipanggil 'hemacytometer' (Rouge, 2002). Secara umum, alat ini dibangunkan bertujuan mengira sel darah, namun ia juga boleh digunakan untuk mengira sel sperma.

Sebelum pengujian dilakukan terhadap manusia, pengujian terhadap sampel tikus seringkali dilakukan. Proses pengecaman dan pengklasifikasian imej sperma tikus seperti tikus Sprague Dawley selalunya dilakukan secara manual menggunakan kepakaran manusia. Bagi sampel imej kajian yang bersaiz kecil dan mempunyai bilangan objek yang banyak seperti imej sperma, proses pengecaman dan pengklasifikasian secara manual adalah terlalu memenatkan dan mengambil masa yang lama. Terdapat penyelidikan-penyelidikan yang telah membuktikan proses

pegecaman dan pengklasifikasian yang dilakukan menggunakan kepakaran manusia secara manual adalah berisiko tinggi dalam menghasilkan kesalahan dalam keputusan pengklasifikasian.

Bab ini akan dimulakan dengan perbincangan mengenai sperma tikus Sprague Dawley, teori pengklasifikasian sperma dan limitasi ke atas pengklasifikasian sperma secara manual. Teori dan konsep teknik-teknik pemprosesan imej digital dan rangkaian neural buatan yang akan diimplentasikan ke atas sperma tikus Sprague Dawley dalam penyelidikan ini akan dibentangkan. Penerangan pada bahagian pemprosesan imej akan dimulakan dengan takrifan mengenai imej digital dan penghasilannya, dan histogram. Penerangan juga melibatkan aplikasi teknik pemprosesan imej iaitu peruasan imej dan pengklasifikasian imej. Bab ini juga membincangkan teknik-teknik pemprosesan imej dan rangkaian neural yang telah diaplikasikan ke atas imej sperma pada penyelidikan-penyelidikan yang terdahulu.

## **2.2 Sperma Tikus Sprague Dawley**

Sprague Dawley adalah sejenis spesies tikus. Tikus Sprague Dawley berasal daripada spesies tikus albino dan telah banyak digunakan untuk eksperimen oleh para saintis. Tikus Sprague Dawley dipilih disebabkan ia mempunyai sifat yang tenang dan mudah untuk dikendalikan berbanding jenis-jenis tikus yang lain. Secara purata, tikus Sprague Dawley juga mempunyai tahap kelahiran anak yang tinggi iaitu sebanyak 10.5 ekor pada setiap kelahiran berbanding tikus normal iaitu 8.0 (Sprague Dawley, 2009; Yosida & Hamada, 1985; Bouricius, 1948). Tikus Sprague Dawley mudah mendengar arahan dan mempunyai prestasi pembiakan yang sangat baik (Sprague Dawley, 2009). Tikus Sprague Dawley juga mempunyai anatomi yang


hampir serupa dengan tubuh manusia. Telah banyak kajian yang dilakukan menggunakan tikus sebagai sampel kajian yang boleh memanfaatkan manusia dan membuktikan banyak persamaan di antara anatomi tubuh badan manusia dan tikus (Hu & Yan, 2002; Joshi *et. al.*, 2003; Kawai *et. al.*, 2006). Kebanyakan penyelidikan yang dilakukan ke atas tikus adalah ujian toksikologi, penuaan, teratologi, onkologi, nutrisi dan lain-lain.

Sperma tikus Sprague Dawley diambil daripada induk apabila ia berada dalam keadaan matang iaitu di antara 12 hingga 14 minggu. Bagi mendapatkan hasil kajian yang baik, sampel sperma kebiasaannya diambil dalam masa tidak lebih daripada 10 minggu (*Computer Assisted Sperm Analysis (CASA)*, 2000). Dalam tempoh itu, sperma yang diambil masih belum matang dan mudah terdedah kepada bahan kimia dan gangguan lain yang boleh merosakkan sel-sel sperma. Oleh sebab itu, beberapa andaian yang penting perlu dititikberatkan apabila sperma tidak menunjukkan sebarang kesan terhadap bahan ujikaji yang diaplikasikan ke atasnya. Antara andaian tersebut ialah faktor masa yang singkat untuk sperma yang dijangkiti penyakit menunjukkan kesannya dan faktor umur tikus yang tidak cukup matang bagi membolehkannya berinteraksi dengan bahan ujikaji (*CASA*, 2000). Banyak kajian yang membuktikan bahawa faktor usia tikus memberikan perbezaan dalam keputusan kajian (Kholin, 1959; Wallace *et. al.*, 1951; Wang *et. al.*, 2001).

### **2.2.1 Morfologi Sperma Sprague Dawley**

Sperma tikus Sprague Dawley mempunyai anggaran panjang 2.5 $\mu$ m dan mempunyai kepala yang berbentuk cangkuk (*CASA*, 2000). Morfologi sperma tikus Sprague Dawley dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian kepala, tengah dan ekor. Bahagian kepala sperma tikus Sprague Dawley mengandungi nukleus yang

padat dan akrosom yang kurang padat. Bahagian tengah sperma pula terdiri daripada kelopak seperti gegelung yang mengandungi genetik mitokondria. Genetik mitokondria berfungsi sebagai pembawa maklumat genetik daripada tikus induk. Bahagian ekor sperma tikus Sprague Dawley pula terdiri daripada filamen panjang yang bergegar dalam tempoh yang singkat apabila sperma berada dalam keadaan yang matang. Bagi imej sperma tikus Sprague Dawley yang diambil melalui pembesaran, kadang kala imej tersebut tidak memaparkan perbezaan yang jelas di antara bahagian tengah dan kepala sperma. Bagi kes seperti ini, bahagian tengah sperma digolongkan sebagai ekor sperma. Morfologi sperma tikus dan pembesaran imej sperma tikus pada 400 kali masing-masing dipaparkan dalam Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 (CASA, 2000).



Rajah 2.1: Morfologi sel sperma tikus Sprague Dawley



Rajah 2.2: Imej sperma tikus Sprague Dawley pada pembesaran 400 kali

Rajah 2.1 dan 2.2 masing-masing menunjukkan imej morfologi sperma tikus dan imej sperma tikus yang telah dibesarkan pada pembesaran 400 kali. Dalam



kebanyakan penyelidikan yang dijalankan terhadap sperma tikus, saiz kepala, bentuk kepala dan ekor sperma menjadi kriteria dalam kajian. Namun begitu, terdapat maklumat tambahan yang boleh diperolehi daripada akrosom dan selaput-selaput halus sperma untuk penyelidikan yang lebih terperinci. Berdasarkan pelbagai jenis sperma, kebanyakan sel sperma mempunyai pelbagai bentuk dan saiz bergantung kepada spesis masing-masing. Sebagai contoh, sperma lembu dan manusia hampir menyerupai separa dayung manakala sperma tikus mempunyai bentuk seperti cangkuk (CASA, 2000).

### **2.2.2 Kaedah Persampelan Cecair Sperma**

Analisa air mani didefinisikan sebagai analisa saintifik yang dilaksanakan ke atas pengeluaran sperma, kuantiti dan kualiti sperma. Analisa yang dilaksanakan bukan sahaja dilakukan ke atas sel sperma, bahkan berlaku pada objek-objek lain yang turut hadir dalam cecair air mani. Terdapat tiga teknik umum yang sering digunakan dalam proses persampelan air mani iaitu persampelan menggunakan alat kecerdikan faraj (*artificial vagina*), manipulasi digital (*digital manipulation*) dan elektroejakulasi (*electroejaculation*) (Babyhopes, 2001). Setiap teknik persampelan cecair sperma yang diaplikasikan bergantung kepada spesis haiwan.

#### **2.2.2.1 Faraj Buatan**

Faraj Buatan merupakan teknik yang paling banyak digunakan dalam proses persampelan cecair air mani terutama untuk spesis lembu, kuda, kambing biri-biri, kambing, arnab dan kucing. Salah satu syarat penggunaan teknik ini ialah induk mesti berada dalam keadaan sedar. Teknik Faraj Buatan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.3 menggunakan aliran udara yang panas dan perangsang mekanikal

untuk membolehkan proses pancaran air mani. Faraj Buatan terdiri daripada tiub yang mempunyai lajur getah di luar yang berfungsi untuk menampung air dan lajur dalaman yang dilincirkan sebelum digunakan. Lajur luaran dipenuhi dan diberikan tekanan air dengan suhu 42 hingga 48°C.



Rajah 2.3: Alat untuk teknik Faraj Buatan (Artificial Vagina, 2007).

#### **2.2.2.2 Manipulasi Digital**


Teknik Manipulasi Digital beroperasi melalui proses tekanan terhadap zakar sehingga induk menjadi terangsang. Satu tiub akan disediakan untuk mengumpul air mani yang akan dikeluarkan daripada induk. Teknik Manipulasi Digital selalunya diaplikasikan ke atas ayam dan ayam belanda. Rajah 2.4 menunjukkan alat yang digunakan dalam proses persampelan cecair sperma menggunakan teknik Manipulasi Digital.



Rajah 2.4: Alat untuk teknik Manipulasi Digital (Kutzler, 2005).

### **2.2.2.3 Elektroejakulasi**

Teknik Elektroejakulasi beroperasi melalui kejutan elektrik yang mengandungi voltan rendah secara berulang. Elektroejakulasi dilekatkan pada saraf pelvis yang berfungsi sebagai sambutan duktus ejakulasi. Teknik Elektroejakulasi adalah teknik persampelan air mani yang sesuai diaplikasikan ke atas binatang buas. Antara kelebihan teknik Elektroejakulasi ialah tidak memerlukan rangsangan dan hanya menggunakan kuasa bateri. Teknik Elektroejakulasi kebiasaannya diaplikasikan ke atas semua jenis mamalia. Rajah 2.5 menunjukkan alat yang digunakan dalam proses persampelan cecair sperma menggunakan teknik Elektroejakulasi.



Rajah 2.5: Alat untuk teknik Eletroejakulasi (Howard *et. al.*, 1984).

### 2.2.3 Klasifikasi Jenis Sperma Tikus Sprague Dawley

Dalam penyelidikan ini, proses pengklasifikasian imej sperma daripada suspensi sperma tikus Sprague Dawley dibahagikan kepada dua proses. Proses pertama mengklasifikasikan imej sperma kepada normal dan abnormal. Satu proses lagi mengklasifikasikan imej sperma kepada tiga kelas iaitu kelas normal, abnormal tanpa cangkuk dan abnormal berbentuk pisang. Ciri imej sperma tikus Sprague Dawley yang normal adalah terdiri daripada morfologi kepala sperma yang berbentuk seperti cangkuk. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, terdapat hanya satu ciri sahaja yang berupaya membezakan sperma normal dengan abnormal dengan jelas iaitu ciri bentuk. Berdasarkan usaha yang dilakukan dalam proses mencari ciri-ciri imej sperma tikus untuk proses pengklasifikasian, masih belum terdapat penyelidikan yang jelas membuktikan ciri yang lain selain daripada ciri bentuk yang berupaya mengklasifikasikan imej sperma tikus kepada normal dan abnormal. Berdasarkan kepada morfologi kepala sperma tikus Sprague Dawley, penyelidikan ini menumpukan pengklasifikasian imej sperma kepada keabnormalan yang terdapat pada kepala sperma sahaja. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan


Farmakologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, keabnormalan sperma tikus Sprague Dawley yang berpunca daripada morfologi kepala dikategorikan kepada dua jenis iaitu abnormal tanpa cangkuk dan berbentuk pisang masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.6(a) dan (b).



Rajah 2.6 (a) Imej sperma abnormal tanpa cangkuk, (b) Imej sperma abnormal berbentuk pisang.

#### **2.2.4 Limitasi Ke Atas Pengklasifikasian Sperma Secara Manual**

Sehingga kini, pengklasifikasian sperma masih banyak dilakukan secara manual dengan menggunakan tenaga kerja manusia sepenuhnya. Proses pengklasifikasian setiap sel sperma memerlukan pengiraan sel dan kebiasaannya alat ‘hemacytometer’ digunakan dalam proses pengiraan (Rothmann & Reese, 2007). Alat ‘hemacytometer’ mempunyai ketinggian anggaran setinggi 100 $\mu$ m seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.7(a) (Rothmann & Reese, 2007).



Rajah 2.7: (a) Alat ‘hemacytometer’ dan (b) bilik pengiraan sperma (SCC)

Secara umum, proses klasifikasi dan pengiraan sperma menggunakan alat ‘hemacytometer’ memerlukan tenaga kerja manusia. Secara tidak langsung, ketepatan keputusan pengiraan juga bergantung sepenuhnya kepada kemahiran manusia yang melakukan proses klasifikasi dan pengiraan tersebut. Proses ini memakan masa yang lama di samping pengiraan yang dilakukan oleh manusia memerlukan fokus dan kecekapan yang tinggi sekaligus tidak mustahil kesilapan akan berlaku dalam keputusan yang diperolehi (Ryder, 1997).

### 2.3 Pemprosesan Imej Digital

Maklumat visual merupakan asas dalam kehidupan manusia dan kebanyakan maklumat ini diterjemah dan diproses secara digital. Aplikasi pemprosesan imej digital sangat luas seperti tomografi, fotografi, robotik dan perubatan. Pemprosesan imej digital didefinisikan sebagai analisa imej menggunakan teknik-teknik yang boleh mengenalpasti rona warna, bayangan gelap dan hubungan yang tidak dapat dikenalpasti oleh mata manusia (Image Processing Definition, 2008). Selain itu, pemprosesan imej juga didefinisikan sebagai manipulasi saiz, resolusi dan warna imej mengikut kehendak pengguna (Definition of Image Processing, 1993). Pemprosesan imej digital dalam bidang perubatan khususnya sangat popular dijadikan skop penyelidikan oleh para saintis disebabkan kelemahan imej perubatan


yang sedia ada. Antara kelemahannya ialah kabur, dipengaruhi hingar dan limitasi ke atas keupayaan mata kasar manusia menganalisa imej perubatan (Balafar *et. al.*, 2008; Roth & Ommer, 2006; Toprak & Guler, 2007). Faktor-faktor ini mendorong pengaplikasian teknik-teknik pemprosesan imej digital ke atas imej perubatan bagi meningkatkan kualiti imej dan merendahkan risiko berlaku kesilapan yang disebabkan oleh manusia.

### **2.3.1 Konsep Imej Digital**

Secara asas, maklumat yang hadir di dalam suatu imej boleh diterjemahkan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah spatial dan frekuensi. Kedua-dua kaedah beroperasi dalam domain yang berlainan menggunakan data yang sama. Oleh itu, pertukaran operasi di antara kedua-dua domain tersebut dipanggil sebagai Transformasi Fourier (*Fourier Transform*) (Jahne, 2002). Secara praktikal, kedua-dua kaedah boleh diaplikasikan di dalam penyelidikan ini. Walaubagaimanapun, penyelidikan ini hanya mengaplikasikan satu kaedah sahaja iaitu dengan menggunakan domain spatial dalam analisa imej sperma tikus Sprague Dawley.

Kaedah spatial didefinisikan sebagai suatu fungsi dua dimensi,  $f(x,y)$ . Parameter  $x$  dan  $y$  didefinisikan sebagai koordinat bagi fungsi  $f(\bullet)$ . Simbol  $f(\bullet)$  pula didefinisikan sebagai keamatan imej pada koordinat  $x$  dan  $y$  (Gonzalez & Woods, 2002, Jahne, 2002). Berdasarkan penggunaan sistem digital oleh komputer, imej asal perlu diterjemahkan kepada imej digital terlebih dahulu dan proses ini dipanggil pendigitan. Setiap titik yang berada pada lokasi koordinat  $x$  dan  $y$  dipanggil piksel seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.8. Setiap piksel menterjemahkan maklumat yang diwakilkan menggunakan paras kelabu. Kedudukan piksel kebiasaannya diwakili dalam bentuk matrik. Sebagai contoh, baris melintang


diwakili sebagai I dan lajur menegak diwakili sebagai J. Oleh itu, saiz imej diwakili oleh matrik  $I \times J$  piksel. Piksel juga berperanan dalam menentukan jenis grid piksel, saiz dan resolusi sesuatu imej.



Rajah 2.8: Tatasusunan piksel dalam imej dua dimensi pada koordinat (5,4).

Selain itu, piksel-piksel yang hadir pada imej digital diwakili oleh grid-grid geometri seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.9. Grid segiempat merupakan geometri yang paling popular dan mudah untuk diaplikasikan dalam imej digital. Namun begitu, jenis-jenis grid lain juga adalah tidak mustahil bagi sesetengah aplikasi seperti proses pengklasifikasian struktur kristal dan struktur atom yang memerlukan aplikasi grid piksel berjenis segi tiga dan heksagonal. Namun begitu, penyelidikan ini menggunakan piksel bergrid segi empat.





Rajah 2.9: Tiga jenis grid piksel yang sering digunakan dalam imej dua dimensi; a) grid segi tiga, b) grid segi empat dan c) grid heksagonal.

Terdapat satu lagi elemen penting dalam pemprosesan imej digital iaitu histogram taburan paras kelabu. Histogram paras kelabu banyak digunakan dalam pemprosesan imej digital terutama dalam teknik taburan kebarangkalian, teknik peningkatan kontras, teknik ambang dan teknik pengelompokan (Pratt, 2007; Jahne, 2002). Histogram paras kelabu melibatkan julat piksel daripada warna hitam kepada warna putih melalui penyerakan warna kelabu. Nilai piksel bagi paras kelabu bermula dari integer 0 sehingga 255. Integer 0 dan 255 masing-masing mewakili piksel berwarna hitam dan putih. Nilai integer yang berada di antara nilai 0 hingga 255 mewakili piksel berwarna kelabu yang mempunyai ton warna kelabu yang berlainan. Contoh histogram paras kelabu bagi imej sperma tikus Sprague-Dawley adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.10.